

**TERMA RUJUKAN
JAWATAKUASA
SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**

1. PENGENALAN

Pembangunan Anti Bribery Management System (ABMS) telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan oleh Kerajaan pada 29 Januari 2019 melalui Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam. ABMS bertujuan bagi membantu sesebuah organisasi dalam mencegah, mengesan dan mengambil tindakan keatas kesalahan rasuah dan mematuhi undang-undang antirasuah. Dalam hal ini, pihak Pengurusan Tertinggi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) KPT Bilangan 1 Tahun 2022 telah bersetuju untuk mendapatkan pensijilan ABMS bagi KPT. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Norhushaffiz bin Hussin, Ketua Unit Integriti dan dianggotai oleh pegawai daripada Bahagian/Unit di KPT. Urus setia jawatankuasa adalah Unit Integriti KPT.

2. OBJEKTIF PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) KPT berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang membincangkan pelaksanaan dan pemantauan Pembangunan ABMS. Walaubagaimanapun, terdapat keperluan penyelarasan pelaporan dan pemantauan secara terperinci di peringkat urus setia sebelum status pembangunan ABMS ini dapat dibentangkan kepada Mesyuarat JAR KPT. Sehubungan itu, ahli Jawatankuasa Pembangunan ABMS yang terdiri daripada pegawai di peringkat Bahagian dan Unit berperanan bagi memastikan pemantauan dilaksanakan secara berterusan dan efektif.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA

- i. Memahami pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah mengikut ISO 37001, mendapatkan pemahaman yang komprehensif mengenai pendekatan, kaedah, langkah-langkah, dan teknik-teknik yang diperlukan untuk Sistem Pengurusan Anti Rasuah yang berkesan dan menyokong organisasi dalam mewujudkan, melaksanakan, mengurus dan menyelenggara Sistem Pengurusan Anti Rasuah seperti yang dinyatakan dalam MS ISO 37001:2016;
- ii. Memahami konsep asas Pengurusan Risiko Rasuah dan menubuhkan kerangka risiko rasuah, mewujudkan konteks dan mengenalpasti risiko, menentukan penilaian risiko, mengenalpasti dan menentukan kaedah untuk mengurangkan risiko dan langkah-langkah pencegahan risiko, menentukan kaedah pengukuran tahap keberkesanan risiko dan membantu membangunkan dokumentasi risiko rasuah dan komunikasi risiko;
- iii. Memahami prinsip dan konsep audit dalaman MS ISO 37001:2016, merancang dan membantu dalam proses pelaksanaan audit, menyediakan laporan audit dan menjalankan tindakan pembetulan dan audit susulan;

- iv. Membangunkan Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah meliputi skop, Pemetaan Proses Anti Rasuah, Dasar Anti Rasuah dan objektif perancangan serta membantu dalam penulisan dokumen dan perbincangan Pembangunan Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah;
- v. Membantu dalam semakan dan Pembangunan Prosedur Risiko Anti Rasuah, membantu dalam penulisan dokumen dan perbincangan semakan dan pembangunan risiko yang telah dibangunkan dan membantu dalam pembangunan dan penulisan Pelan Integriti Kementerian;
- vi. Membantu dalam Pembangunan, penulisan dasar dan prosedur tidak menerima hadiah, perkhidmatan, derma dan faedah serta membantu dalam Pembangunan, penulisan dasar dan prosedur Pelaporan Anti Rasuah termasuk polisi Pemberi Maklumat (Perlindungan Pemberi Maklumat);
- vii. Membangunkan, menyediakan dokumen dan perbincangan Pembangunan Prosedur Penyiasatan dan Prosedur Anti Rasuah dan membantu dalam Pembangunan, penulisan dokumen dan perbincangan Pembangunan Dasar dan Prosedur Audit Dalaman dan Kajian Pengurusan Anti Rasuah;
- viii. Membangunkan dalam proses semakan dan pembedahan dokumentasi dan Pembangunan Dokumen ABMS termasuk Pembangunan Manual ABMS, Tatacara Pengendalian Piawai (SOP), Pelaksanaan dan Penyimpanan Rekod;
- ix. Menilai kesediaan dokumentasi yang dibangunkan sama ada menepati keperluan standard MS ISO 37001:2016, menilai kecukupan dan pematuhan undang-undang, peraturan dan lain-lain keperluan dan mengenalpasti peluang-peluang penambahbaikan;
- x. Menyelaras perkara-perkara berkaitan yang diperlukan oleh urus setia daripada Bahagian/Unit berhubung Pembangunan ABMS; dan
- xi. Melaksanakan lain – lain tugas yang perlu bagi tujuan pensijilan ABMS.

4. TEMPOH LANTIKAN

Tempoh pelantikan Jawatankuasa ini adalah dari 8 Ogos 2023 sehingga selesai. Pelantikan adalah atas jawatan dan akan diteruskan oleh pegawai yang menggantikan pegawai bertukar/bersara.

5. GERAK KERJA PEGAWAI PENYELARAS

Gerak kerja Jawatankuasa akan menggunakan platform e-mel dan mesyuarat berdasarkan keperluan. Panggilan mesyuarat akan dikeluarkan oleh urus setia dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh:

**Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Tinggi
15 Ogos 2023**